

TERMA DAN SYARAT

5% PULANGAN TUNAI UNTUK PEMBELIAN TIKET PENERBANGAN DAN TEMPAHAN HOTEL BAGI PEMEGANG KAD KREDIT-i BANK RAKYAT PLATINUM EXPLORER

- a) 5% Pulangan Tunai ini hanya **LAYAK** untuk pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat Platinum Explorer **SAHAJA** (termasuk pemegang Kad Tambahan dan Wargakerja Bank Rakyat).
- b) 5% Pulangan Tunai hanya **SAH** untuk pembelian Tiket Penerbangan dan Tempahan Hotel dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat Platinum Explorer **SAHAJA**.
- c) 5% Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang kad prinsipal Kad Kredit-i Bank Rakyat Platinum Explorer bagi setiap pembelian Tiket Penerbangan dan Tempahan Hotel dari *Merchant Category Code* (MCC) berikut **SAHAJA**:

No	MCC YANG LAYAK	DESKRIPSI
1	3000-3299	Operator Penerbangan
2	4511	Operator Penerbangan
3	3501-3999	Hotels / Motels / Resort Pelancongan
4	7011	Hotels / Motels / Resort Pelancongan
5	4722	Agensi Pelancongan / Operator Pelancongan

PENTING: Penentuan *Merchant Category Code* (MCC) adalah berdasarkan pengkelasan yang didaftarkan oleh *acquiring bank* rakan dagang.

- d) 5% Pulangan Tunai adalah **TERHAD kepada RM1,000 setahun** bagi setiap pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat Platinum Explorer. Jumlah ini adalah kombinasi penggunaan daripada pemegang Kad Utama dan Kad Tambahan.
- e) Tiada jumlah penggunaan **MINIMA** ditetapkan untuk menikmati 5% Pulangan Tunai yang ditawarkan.
- f) 5% Pulangan Tunai akan dikreditkan ke atas transaksi yang telah dibilkan **SAHAJA**.
- g) Pihak Bank berhak menarik balik 5% Pulangan Tunai yang telah dikreditkan sekiranya berlaku seperti salah satu perkara di bawah:
 - i) Pemegang kad melakukan frod, penipuan atau salahnyataan dalam maklumat yang diberikan
 - ii) Pemegang kad menyalahgunakan program dalam bentuk apa sekali pun; atau
 - iii) Terdapat urusan yang tidak sah, dikembalikan, dipertikaikan atau dibatalkan
- h) Pulangan Tunai 5% tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau sebarang bentuk atau kaedah-kaedah lain.
- i) Terma dan syarat ini perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Kad Kredit-i Bank Rakyat.

- j) Pemegang Kad Kredit-i Platinum *Explorer* Bank Rakyat bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju untuk mengakses laman web Bank Rakyat dari semasa ke semasa untuk melihat sebarang perubahan atau variasi terhadap apa-apa Terma dan Syarat dan mendapatkan penerangan daripada Bank Rakyat sekiranya tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan.
- k) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, pemberitahuan atau sebarang surat-menyurat yang tidak betul sama ada melalui e-mel, surat atau sebarang saluran media bersesuaian.
- l) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau sebarang keadaan di luar kawalan Bank Rakyat.
- m) **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
- n) Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu di laman web Bank Rakyat dan apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh 21 hari selepas notis tersebut dikeluarkan.
- o) Terma & Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
- p) Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari laman sesawang Bank www.bankrakyat.com.my.